

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
17 APRIL 2020**

**PERKARA : 5(B)(II)7**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN JAWI  
YB. H'NG MOOI LYE**

7. Untuk meningkatkan lagi eko pelancongan dan ekonomi perlancongan, adakah Kerajaan Negeri sudah mengenal pasti lokasi strategik yang boleh dijadikan lokasi pelancongan serta dapat meningkatkan ekonomi setempat?
  - (a) Sila nyatakan program yang telah dijalankan di DUN Sg. Bakap, DUN Sg. Acheh, DUN Jawi dan DUN Bukit Tambun.

**YB. YEOH SOON HIN  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

7. Lokasi strategik yang telah dikenal pasti boleh dijadikan lokasi pelancongan serta dapat meningkatkan ekonomi setempat adalah seperti berikut:
  - (i) Bukit Bendera yang merupakan lokasi pelancongan ikonik di Pulau Pinang. Bukit Bendera terletak di lokasi strategik yang tidak jauh dari pusat bandar menjadikannya sebuah lokasi tumpuan pelancong untuk menikmati udara segar, pemandangan dan keindahan hidupan semulajadi;
  - (ii) Projek Pantai Robina Eko-Park yang terletak di belakang Taman Robina, Teluk Air Tawar. Projek pembangunan ini berkonsepkan Eko-Park di mana pembangunannya juga sebagai komponen sokongan kepada aktiviti pelancongan persisiran Pantai Teluk Air Tawar - Kuala Muda. Projek ini dalam peringkat pembinaan dan dijangka siap pada 31 Mei 2020;

- (iii) Projek Pembangunan Eko Pelancongan Sungai Muda yang terdiri daripada enam (6) kawasan seperti berikut:
- Pasar Bisik Kuala Muda dengan komponen dataran tsunami, kiosk, menara tinjau, tempat permainan kanak-kanak, tempat letak kenderaan dan *mangrove walk*;
  - Permatang Bendahari dengan komponen pengekalan jeti lama, laluan basikal, tempat letak kenderaan dan padang permainan kanak-kanak;
  - Empangan Muda dengan komponen laluan basikal, dataran, padang permainan, tempat letak kenderaan dan menara tinjau;
  - Bumbung Lima dengan komponen dataran, mercu tanda pintu masuk Seberang Perai, restoran, tempat letak kenderaan, laluan basikal dan pejalan kaki;
  - Pantai Kamlon dengan komponen tempat letak kenderaan, laluan masuk daripada lebuhraya, jeti, boat house; dan
  - Jambatan Keretapi Pinang Tunggal dengan komponen muzium keretapi, dataran, tempat permainan kanak-kanak, kiosk, jeti dan restoran terapung;
- (iv) Pantai Malindo, Kuala Sungai Burung yang kaya dengan spesis yang tumbuh di kawasan Hutan Paya Laut di samping pemandangan matahari terbenam adalah berpotensi tinggi untuk dibangunkan bukan sahaja untuk tujuan pelancongan bahkan sebagai pusat pembelajaran ekologi paya laut di Negeri Pulau Pinang;
- (v) Hutan Pelajaran Air Hitam Dalam yang mempunyai ciri-ciri keunikan sumber khazanah biodiversiti serta menggalakkan pembelajaran mengenai alam sekitar;

- (vi) Taman Negeri Bukit Panchor yang mempunyai ciri-ciri keunikan sumber khazanah biodiversiti serta menggalakkan pembelajaran mengenai alam sekitar;
  - (vii) Taman Rimba Teluk Bahang yang mempunyai ciri-ciri keunikan sumber khazanah biodiversiti serta menggalakkan pembelajaran mengenai alam sekitar;
  - (viii) Taman Rimba Bukit Mertajam yang mempunyai ciri-ciri keunikan sumber khazanah biodiversiti serta menggalakkan pembelajaran mengenai alam sekitar; dan
  - (ix) Persisiran Pantai Teluk Air Tawar - Kuala Muda di mana lokasi ini merupakan kawasan untuk aktiviti *bird watching* dan juga pemuliharaan paya bakau.
- (a) Program yang telah dijalankan di DUN Sg. Bakap, DUN Sg. Acheh, DUN Jawi dan DUN Bukit Tambun adalah seperti berikut:

### **1. DUN Sg. Bakap**

- (i) Ekspo Kebudayaan DUN Sungai Bakap pada 16-18 Ogos 2019; dan
- (ii) Program Pembelajaran/Latihan, Kesedaran Awam/Tanggungjawab Sosial dan Riadah yang dijalankan di Taman Negeri Bukit Panchor secara berkala.

### **2. DUN Sg. Acheh**

Fiesta Sukan Bendang Daerah Seberang Perai Selatan pada 22 Februari 2020.

### **3. DUN Jawi**

Acara penerbangan belon udara panas sempena *Penang Hot Air Balloon Fiesta 2020* telah diadakan di Padang Awam Jawi pada 31 Januari 2020.

#### **4. DUN Bukit Tambun**

- (i) Program Penang International Food Festival 2019 di Batu Kawan;
- (ii) Program Penang International Container Art Festival (PICAF) di mana Batu Kawan telah terpilih sebagai salah satu destinasi meletak struktur seni kontena sebagai daya tarikan pelancong; dan
- (iii) Program Penang Celebrates: Hari Raya With Radio Sinar @ Design Village pada 22 Jun 2019 di Design Village, Batu Kawan.